

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi daripada kajian yang dijalankan daripada perspektif keseluruhan kajian dan dapatan yang diperolehi daripada kajian terdahulu. Bab ini juga mengetengahkan beberapa implikasi yang diperolehi berdasarkan dapatan kajian terhadap penemuan motif hiasan Cina di dalam masjid kajian di Melaka serta beberapa cadangan yang mungkin boleh diutarakan bagi tajuk cadangan bagi kajian yang seterusnya.

#### **5.1 Kesimpulan**

Masyarakat Cina telah mula berhijrah ke Melaka sejak awal abad ke-14M, tetapi penempatan mereka tidak dapat dikesan pada peringkat awal kerana jumlah mereka yang sedikit. Kehadiran mereka lebih ketara selepas berlaku perkahwinan di antara Sultan Mansur Syah dengan Puteri Hang Li Po. Apabila Portugis menjajah Melaka, jumlah masyarakat Cina tidak bertambah kerana tidak berlaku sebarang penghijrahan oleh bangsa ini ke Melaka. Keadaan ini berubah apabila Belanda mengambil alih Melaka kerana diatas galakkan Belanda jumlah orang Cina dilihat sentiasa bertambah dari semasa ke semasa dan tiada sedikit pun pengurangan sehingga Inggeris mengambil Melaka dari tangan Belanda.

Kehadiran masyarakat Cina ke Melaka boleh dilihat melalui beberapa faktor utama yang melibatkan usaha perdagangan, perniagaan, pelayaran dan yang paling utama adalah hubungan diplomatik yang berlaku di antara China dan Melaka. Hubungan diplomatik

adalah pencetus utama berkembangnya hubungan dua hala di antara dua buah negara ini selain menjadi faktor utama kepada proses perkembangan seni bina Cina di Melaka. Jika diimbas kembali proses perkembangan Islam di Melaka iaitu sewaktu Islam dibawa dari negara Arab dan disebarluaskan di Melaka dan Nusantara, para mubaligh tidak membawa bersama mereka sebarang bentuk kaedah untuk membina masjid melainkan ilmu syariat dan akidah. Oleh itu, apabila Parameswara pulang ke Melaka setelah selesai mengadakan lawatan diplomatik di China tukang-tukang yang dihadiahkan oleh Maharaja Cina ini memainkan peranan dalam melakar dan membangunkan sebuah masjid yang digunakan untuk menjalani ibadah. Oleh demikian, perkembangan reka bentuk masjid yang berunsurkan Cina ini dilihat seiring dengan perkembangan Islam di Melaka.

Dalam hal ini, Cheng Ho adalah individu yang banyak memberikan sumbangan dalam memperkenalkan reka bentuk masjid di Melaka. Setiap kali rombongan beliau belayarmereka akan membawa bersama barang yang digunakan untuk membina bangunan termasuklah kepakaran dalam bidang pertukangan dan mereka bentuk bangunan. Kehadiran masyarakat Cina ini telah membawa bersama adat budaya mereka dan dipraktikkan sepanjang berada di perantauan. Biarpun Cheng Ho sudah menamatkan pelayaran pada 1433M tetapi legasi reka bentuk dan seni bina Cina ini diteruskan oleh masyarakat Cina yang bermigrasi ke Melaka seperti golongan peranakan Cina yang terhasil daripada perkahwinan Puteri Hang Li Po dengan Sultan Muzaffar Syah bersama penghijrahan lima ratus pengikutnya yang menetap di Bukit China.

Sehubungan itu, kehadiran masyarakat Cina ke Melaka atas beberapa faktor dilihat telah memberikan kesan positif daripada aspek hubungan diplomatik kerana hubungan yang disemai telah memberikan impak positif bagi memelihara kedaulatan pemerintahan kedua belah pihak. Di samping itu, hubungan positif ini telah menggalakkan pertukaran dua

budaya yang menyerikan lagi sebuah pentadbiran dan oleh yang demikian proses asimilasi budaya terutamanya yang berlaku dalam pembangunan masjid di Melaka dilihat sebagai langkah positif untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala ini. Unsur seni bina Cina yang diperkenalkan oleh Cheng Ho ke Melaka tidak dianggap sebagai satu kelainan tetapi sebagai usaha positif dalam mengukuhkan hubungan diplomatik negara di samping memperkenalkan keunikan seni bina dari China.

Apabila Portugis merampas Melaka daripada tangan Kesultanan Melayu Melaka, bangunan-bangunan dimusnahkan dan masjid tidak terkecuali dalam pemusnahan yang dilakukan. Tidak terdapat sebarang masjid yang tinggal melainkan bangunan-bangunan baru yang dibina oleh Portugis sebagai lambang kemegahan penjajahan mereka bahkan masyarakat Islam dilarang mengamalkan ajaran agama Islam. Setelah Belanda mengambil alih Melaka daripada Portugis, Belanda telah membuka ruang kepada penduduk yang menetap di Melaka untuk mengamalkan agama masing-masing. Sehubungan itu, Belanda telah mengimport pekerja Cina dari Batavia bagi membantu proses pembangunan masjid memandangkan mereka mempunyai kemahiran dalam aktiviti pertukangan dengan menggunakan batu. Pembangunan masjid-masjid ini berlaku di bawah pemerhatian wakil Melayu yang dilantik Belanda sebagai pemerhati. Tukang-tukang Cina ini bukan sahaja diminta untuk membina masjid bahkan mereka turut mendapat arahan untuk membina rumah ibadat, rumah kedai dan rumah teres. Sehubungan itu, tukang-tukang Cina ini menjalankan aktiviti pembinaan masjid dan turut memasukkan elemen-elemen Cina di dalam masjid.

Secara keseluruhannya masyarakat Cina berperanan sebanyak dua fasa dalam memperkembangkan reka bentuk masjid di Melaka. Sumbangan mereka dapat dilihat dengan memperkenalkan beberapa komponen utama yang menjadi identiti kepada masjid

berbumbung meru seperti mahkota atap, sulur bayur, menara, pintu gerbang dan mimbar. Motif dan ornamentasi Cina yang diperkenalkan pada masjid kajian juga merupakan suatu bentuk kebudayaan yang telah diamalkan sejak berzaman oleh golongan ini. Selain itu, unsur-unsur keagamaan yang melibatkan ajaran Buddha juga boleh dilihat sebagai elemen motif dan ornamentasi di dalam masjid kajian.

Unsur-unsur motif dan ornamentasi Cina ini juga boleh dilihat pada beberapa komponen utama masjid kajian. Antara lokasi yang dilihat mempunyai unsur motif Cina ini ialah sulur bayur, lapisan bumbung meru, pintu gerbang, kawasan sekitar masjid, tiang, mimbar dan mihrab. Manakala motif dan ornamentasi Cina telah direkodkan dan dibahagikan mengikut kategori hiasan ialah bunga, haiwan, kosmos, buah, fenomena dan geometri. Komponen dalam masjid yang mempunyai motif Cina yang besar ialah mimbar. Hampir keseluruhan mimbar di tiga masjid ini dilitupi oleh ukiran motif Cina dan tidak ada sedikit ruang pun yang boleh dilihat kosong tanpa sebarang ukiran. Komponen luar masjid yang mempunyai motif Cina yang terbesar ialah ukiran yang terdapat di antara lapisan bumbung meru Masjid Kampung Keling dan setiap ukiran motif yang diukir adalah sarat dengan kesemua jenis motif.

Pintu gerbang diketiga buah masjid juga terdapat motif Cina tetapi tidak dalam jumlah besar. Komponen seperti sulur bayur dan mahkota atap sememangnya berunsurkan kesenian Cina tetapi jumlah motifnya dalam kadar biasa. Berdasarkan kepada kajian komponen luar masjid mempunyai motif dan ornamentasi Cina yang besar berbanding komponen dalam masjid. Jika dilihat kembali kepada kenyataan berkenaan tiga buah masjid kajian ini mempunyai motif yang berunsurkan Cina yang boleh dilihat dalam jumlah yang besar di bahagian dan luar masjid. Namun begitu hasil kajian mendapati, jumlah motif Cina yang besar hanya didapati di bahagian luar masjid sahaja. Kenyataan Martin Frishman

adalah benar tetapi proses renovasi yang berlaku dalam ruang masjid telah menghapuskan segala warisan yang ada di dalamnya bagi tujuan pembesaran ruang. Walaupun kesemua masjid ini berada di bawah pemerhatian Jabatan Warisan Negara namun disebabkan oleh kurang pengertian terhadap warisan tinggalan ini tidak disimpan. Jumlah keseluruhan yang diperolehi hasil daripada kajian di ketiga buah masjid ini adalah sebanyak 519 motif dan ornamentasi Cina sekaligus menyangkal pandangan Ros Mahwati Ahmad Zakaria yang mendakwa motif dan ornamentasi Cina di keseluruhan masjid adalah sebanyak 88 motif sahaja. Berdasarkan kepada angka yang diperoleh penulis ini telah membuktikan bahawa tukang Cina adalah individu yang terlibat dalam proses pembangunan ketiga buah masjid kajian di Melaka.

Setiap daripada motif yang diukir pada sebuah bangunan mempunyai maksudnya yang tersendiri. Ukiran yang dipahat bukan sekadar hiasan semata-mata tetapi untuk menyampaikan sebuah penceritaan kepada sesiapa yang melihatnya. Bagi masyarakat Cina, ukiran motif yang ditonjolkan pada bangunan adalah sesuatu yang unik dan bukan sekadar mencantikan tetapi memberi makna yang mendalam bagi mereka. Sehubungan dengan itu, setiap ukiran motif dan ornamentasi Cina yang dipahat pada masjid turut mempunyai penceritaanya yang tersendiri. Bagi ornamentasi yang berunsurkan bunga, buah, fenomena dan geometri tidak dianggap sebagai sesuatu yang keterlaluan. Namun begitu, dua ornamentasi yang berbentuk kosmos dan haiwan memberikan cerminan yang kurang jelas kerana mempunyai unsur Buddha dan imej mahkluk bernyawa.

Berdasarkan kepada kajian, penulis mendapati setiap daripada motif yang diukir memiliki makna baik yang berunsurkan perubatan, tuah atau nasib baik, kesihatan, usia yang panjang, kehormatan, kecantikan kekayaan dan kejayaan. Namun apa yang paling nyata ialah masyarakat Cina sangat mementingkan kekayaan kerana hampir setiap daripada

motif dikaitkan dengan kekayaan. Simbol kekayaan juga biasanya dihubungkan dengan motif yang berunsurkan tuah dan kejayaan kerana setiap daripada kekayaan adalah berpunca daripada nasib dan tuah yang baik. Sekiranya seseorang itu jatuh miskin ianya bermakna individu tersebut bernasib malang dan keadaan tersebut adalah disebabkan oleh hal-hal yang terdapat disekitar individu tersebut. Oleh demikian, banyak motif yang bersimbolkan tuah akan diukir pada dinding rumah bagi memperoleh kekayaan melalui nasib yang baik. Wang dan harta dianggap sebagai sesuatu yang amat penting dan kegagalan untuk mendapatkan kekayaan dianggap sebagai nasib malang. Mereka juga amat mementingkan kecantikan dan kehormatan. Kebiasaan simbol daripada motif ini dikaitkan dengan pemerintah.

Motif-motif yang menjadi simbol bahan perubatan juga turut dijadikan hiasan dalam kesenian Cina. Tujuan ianya dijadikan motif adalah supaya setiap daripada generasi akan datang tidak akan lupa perkara dan bahan yang dapat menyembuhkan penyakit mengikut kaedah perubatan Cina. Selain itu, motif yang berunsurkan kesihatan akan dijadikan motif hiasan di dalam rumah dengan tujuan mengharapkan seisi rumah akan sentiasa sihat dan tidak jatuh sakit. Kebiasaan simbol yang bermotifkan kesihatan akan dikaitkan dengan motif yang memberi maksud usia yang panjang. Sehubungan itu, penulis melihat falsafah Cina sangat menekankan beberapa aspek kehidupan seperti kesihatan yang baik, nasib yang baik, sentiasa memperoleh kejayaan dan yang paling jelas ialah mereka sangat mementingkan kekayaan dalam kehidupan.

Penggunaan elemen haiwan dan motif kosmos di dalam masjid sememangnya pengaruh yang dibawa oleh China. China merupakan tamadun yang terawal yang memperkembangkan hiasan dan ukiran pada bangunan. Penggunaan motif-motif ini sebagai hiasan mendapat perhatian yang hebat dari negara lain setelah China mula memperkenalkan

motif-motif ini sebagai hiasan yang menarik dalam perkembangan seni ukir dan seni hias. Oleh itu, masyarakat Cina sendiri menganggap semua itu sebagai satu budaya dan kepercayaan yang telah diwarisi sejak turun temurun dan tidak salah sekiranya diamalkan di kalangan masyarakat Cina. Segala yang berkaitan dengan pengaruh Buddha itu tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang salah kerana kecenderungan tersebut melebihi budaya dan adat masyarakat Cina.

Buktinya motif-motif yang berunsurkan Buddha ini turut dipraktikkan pada masjid-masjid yang terdapat di negara China sebagai elemen utama dalam hiasan masjid. Jelas bahawa kebudayaan turut membantu manusia bagi menghasilkan satu seni bina dan reka bentuk yang berkembang sehingga ke hari ini seiring dengan perkembangan pemikiran manusia. Apa yang menentukan nilai serta kualiti seni bina suatu bangunan itu adalah melalui kebudayaan sesuatu bangsa mengikut cita rasa dan keinginan bangsa tersebut. Apabila nilai kesenian Cina ini di bawa ke Melaka dan dipraktikkan di dalam masjid ianya tidak dianggap sebagai suatu kesalahan dalam menghiasi masjid memandangkan sikap keterbukaan masyarakat Melayu yang menetap di bandar Melaka sekitar abad ke-18M terdiri daripada golongan elit dan banyak terdedah dengan gaya kehidupan metropolitan dan ada juga daripada kalangan mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan Belanda. Oleh demikian, mereka begitu terbuka untuk menerima sebarang idea dan pengaruh daripada pelbagai ruang dan budaya.

Penerimaan masyarakat Melayu terhadap penggunaan motif Cina ini boleh dilihat dengan lebih ketara apabila sebahagian daripada motif dan hiasan ini ditransformasikan ke dalam seni ukir dan motif masyarakat Melayu sebelum dan selepas kedatangan Islam. Penerimaan pengaruh asing ini juga berlaku disebabkan Islam tidak menggariskan sebarang kaedah secara spesifik untuk membina masjid dan apa sahaja bentuk binaan masjid adalah

diterima selagi mana tidak salah disisi syarak. Maka dengan sebab itu pengaruh Cina sangat mudah menyerap ke dalam binaan masjid di Melaka. Kepelbagaiannya motif dan hiasan di dalam masjid ini menonjolkan kekayaan warisan budaya dan kesenian Islam di negeri Melaka. Kehadiran bangsa yang pelbagai dan menetap di negeri Melaka dan di sekitar masjid khususnya telah menjadikan masjid-masjid ini sebagai satu lambang kepada keharmonian penduduk berbilang bangsa yang berada di bawah pemerintahan Belanda dan Inggeris.

Secara keseluruhan, penulis menyimpulkan bahawa, pembangunan masjid di bawah pemerintahan Belanda pada awal abad ke-18M adalah merupakan hasil pertukangan orang Cina yang jemput oleh Belanda ke Melaka bagi membangunkan masjid untuk umat Islam. Masyarakat Cina yang berhijrah dari China ke Melaka kerana faktor peralihan kuasa juga turut berperanan dalam menyumbangkan beberapa aspek seni bina Cina ke dalam pembangunan di negeri itu. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk komponen yang dibawa masuk dari China dan yang paling utama adalah ukiran motif dan ornamentasi Cina yang mempunyai makna dan nilai falsafah yang tinggi. Ketinggian falsafah Cina yang boleh dilihat melalui gabungan motif yang pelbagai tidak mungkin mampu dilakukan oleh orang bukan Cina dan ukiran ini hanya boleh dilakukan oleh orang yang memahami konsep falsafah Cina dan sudah semestinya masyarakat Cina adalah individu yang terlibat dalam proses penghasilan motif yang menarik ini. Berdasarkan kepada kajian lapangan penulis ke tokong Cina yang terdapat di Melaka khususnya dan Malaysia amnya termasuklah lawatan ke Masjid di negara China, motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di setiap lokasi ini mempunyai persamaan yang besar dan susun atur setiap motif ini berada di lokasi yang bersesuaian dengan maksud falsafah Cina. Selain itu, jumlah motif Cina yang berjumlah 519 motif juga adalah bukti yang menggambarkan

ukiran motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di masjid kajian ini sememangnya hasil tangan orang Cina kerana jumlah penggunaan motif yang banyak ini menggambarkan penglibatan mereka dalam proses pembangunan masjid di Melaka.

Sehubungan itu, kajian ini telah menjawab hipotesis kajian yang penulis jangkakan dalam penulisan ini yang mana masyarakat Cina berperanan dalam menyumbangkan tenaga dalam proses pembangunan masjid di Melaka melalui dua fasa bermula daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan zaman penjajahan Belanda. Selain itu, berdasarkan kepada jumlah motif yang terdapat di tiga buah masjid yang dibangunkan di bawah pentadbiran Belanda membuktikan penglibatan orang Cina untuk membangunkan masjid ini di bawah perhatian seorang ketua yang beragama Islam dan berbangsa Melayu. Keunikan motif yang terdapat ditiga masjid kajian memiliki makna yang baik dan berada di lokasi yang bersesuaian dengan makna gabungan motif-motif tersebut yang mengesahkan lagi penglibatan tukang-tukang ini untuk membangunkan masjid di Melaka.

## **5.2 IMPLIKASI KAJIAN**

Pemilihan dan penggunaan motif yang menggabungkan pelbagai pengaruh yang terdapat di sekitar negeri ini dilihat sebagai satu tindakan positif bagi menampilkan masjid sebagai satu rumah ibadat yang boleh diterima dan tidak kelihatan janggal oleh masyarakat bukan Islam yang menetap di sekitar kawasan masjid. Hal ini berikutan daripada motif-motif yang diguna pakai di dalam masjid turut dijadikan sebagai motif dalam menghiasi rumah-rumah masyarakat Cina dan kaum baba dan nyonya yang menetap di sekitar kawasan masjid. Kesan positif daripada penggunaan motif asing di dalam masjid ini memperlihatkan bahawa Islam adalah agama yang terbuka dan tidak menolak sebarang

perkara positif yang dapat membentuk dan melakar agama suci ini agar lebih berkembang dan diterima oleh setiap lapisan bangsa yang mewakili pelbagai aspek budaya.

Walaubagaimanapun, motif yang melibatkan tumbuhan tetap menjadi keutamaan dalam pembinaan masjid. Hal ini memandangkan Islam tidak membenarkan sebarang bentuk haiwan atau manusia sebagai hiasan atau motif di dalam masjid. Tujuannya adalah bagi mengelakkan tumpuan para jemaah terganggu akibat daripada imej manusia dan haiwan di dalam masjid. Selain itu, pengharaman imej manusia dan haiwan ini adalah bagi mengelak sebarang aktiviti pemujaan terhadap manusia dan haiwan kerana hanya Allah sahaja yang layak disembah. Sehubungan itu, setiap imej yang ditemui di dalam masjid kajian adalah imej yang tidak ketara dan perlu diteliti bagi mendapatkan kebenaran dan bukti kukuh dalam kajian. Misalnya sisik naga yang dijadikan motif som pada permukaan bumbung mimbar masjid. Sekiranya gambaran naga yang sebenar dijadikan morif sudah tentu akan menimbulkan pelbagai permasalahan yang boleh menjelaskan soal ibadat.

Melaka adalah sebuah negeri yang menerima banyak pengaruh antaranya Arab, Portugis, India, Jawa, Cina, Inggeris dan Belanda. Melihat kepada peninggalan seni bina di Melaka jelas menunjukkan campuran kepelbagaian budaya dan yang lebih ketara sekali adalah pengaruh campuran daripada budaya Cina sendiri. Agama Islam merupakan agama yang terbuka dan disebabkan sifat keterbukaan itu proses asimilasi di antara Islam dan adat tempatan mudah sekali diserap masuk ke dalam pembinaan masjid. Penulis yakin masyarakat Malaysia sendiri dapat menerima pengaruh asing ke dalam masjid apalagi melakukan ibadah di dalam masjid yang menyerupai rumah ibadat Buddha seperti yang terdapat pada Masjid Rantau Panjang Kelantan dan masjid yang baru dibuka di Ipoh iaitu Masjid Muhammadiah.

### **5.3 SARANAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan penulis telah melihat beberapa lompong yang wajar dikaji bagi memperluaskan lagi kajian berkenaan seni motif dan ornamentasi ini.

1. Penulis mencadangkan supaya terdapat kajian berkenaan pengaruh kesenian Barat meliputi Belanda dan British yang terdapat di dalam masjid dilakukan memandangkan terdapat sumbangan kesenian barat di dalam masjid kajian.
2. Kajian berkenaan jenis-jenis motif Melayu di dalam masjid kajian boleh dijadikan sebagai topik dalam kajian pada masa akan datang. Proses perkembangan kesenian Melayu di dalam masjid kajian boleh dibincangkan bagi mengenalpasti proses penerimaan kesenian Melayu sebagai elemen kesenian.
3. Penulis juga mencadangkan supaya kajian perbandingan dilakukan dengan menjadikan salah satu daripada masjid kajian iaitu Masjid Kampung Keling, Masjid Tengkera dan Masjid Kampung Hulu ini sebagai sampel banding dengan Tokong Cheng Hoon Teng. Faktor pemilihan tokong ini adalah kerana usianya yang lebih tua berbanding rumah ibadat lain yang terdapat di Melaka. Kajian berkenaan perbandingan masjid di Melaka dan masjid di China juga digalakkan supaya dapat memperluaskan lagi perkembangan aspek seni bina Islam.
4. Kajian berkenaan persamaan dan perbezaan diantara motif dan ornamentasi Cina dan Islam di masjid tertua di Melaka juga wajar dikaji dengan lebih

mendalam bagi melihat persamaan motif dan maksud falsafah di sebalik motif-motif Islam serta kesinambungannya dengan motif Cina.

5. Daripada aspek sejarah penulis menyarankan supaya kajian berkenaan faktor kemasukan suatu pengaruh kesenian di dalam masjid perlu dikaji. Setiap perkara yang berlaku pasti terdapat sabab dan musababnya, sehubungan dengan itu, kajian sejarah dapat memberi kefahaman dengan lebih mendalam berkenaan punca suatu kesenian itu berkembang.
6. Penulis juga mengharapkan kajian berkenaan sumbangan masyarakat Melayu di bandar Melaka Tengah selepas dijajah Portugis dan Belanda diketengahkan dan dibincangkan dengan lebih mendalam. Tidak terdapat sebarang kajian yang lengkap berkenaan isu ini dan penulis merasa wajar jika kajian ini dilakukan memandangkan Melaka pernah menjadi pusat penyebaran Islam dan kegemilangan Kesultanan Melayu pernah berlaku di negeri itu.
7. Selain daripada beberapa kajian yang dicadangkan, penulis juga ingin mengesyorkan kepada PERZIM supaya menghasilkan satu buku yang mendokumentasikan keseluruhan motif dan ornamentasi yang terdapat di tiga buah masjid kajian dan diletakkan di muzium agar dapat dilihat oleh pengunjung. Penghasilan buku ini akan memberikan manfaat besar kepada warisan kesenian di Melaka sekiranya motif-motif yang ada pada masjid hari ini terhapus akibat dimamah usia.
8. Penulis juga ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Warisan Negara supaya meletakkan satu garis panduan dalam menghadkan proses renovasi masjid pada bahagian tertentu seperti pada bahagian yang mempunyai jumlah ornamen asing

yang besar dengan tujuan untuk memelihara warisan ini supaya iaanya tidak dibuang akibat daripada kurang kefahaman terhadap warisan berharga ini. Pihak Jabatan Warisan Negara adalah individu yang bertanggungjawab dalam memastikan masjid-masjid ini berada dalam keadaan baik dan sentiasa terpelihara. Namun begitu, disebabkan kurang pengertian terhadap warisan ini, terdapat segelintir pihak yang menghapuskan tinggalan sejarah yang sudah ada sejak beratus dahulu dan digantikan dengan sesuatu yang lebih baru, moden dan menarik. Dalam hal ini, penulis ingin menekankan bahawa sesuatu yang telah hilang tidak akan kembali seperti sedia kala.

Oleh itu, pihak berkuasa seharusnya mengambil langkah yang lebih baik bagi mengekalkan warisan yang sedia ada dan memulihara warisan tersebut agar tidak dibuang hanya untuk memberi wajah baru kepada masjid agar tampil lebih hebat dan mewah. Warisan kesenian yang ditinggalkan sudah cukup untuk membuktikan sumbangan segelintir pihak dalam usaha membangunkan masjid di Melaka. Memandangkan Melaka adalah bandar raya bersejarah maka amat wajar sekali tinggalan ini dipelihara agar tidak terhakis oleh usia dan kekurangan pengetahuan.

Antara contoh masjid yang dipelihara warisannya dengan baik ialah Masjid Agung Demak (1478M) iaitu masjid tertua di Indonesia. Segala warisan yang terdapat di dalam masjid ini dijaga dengan rapi dan direkodkan supaya tidak hilang. Bahkan masjid ini mempunyai muziumnya yang tersendiri dibangunkan berhampiran masjid. Setiap perkara termasuklah sejarah pembinaan, sumbangan tukang, rekod seni binanya dan proses renovasi yang berlaku dicatatkan dan dijadikan sebagai bahan sejarah yang di tempatkan di

dalam muzium masjid ini. Penulis amat mengharapkan pihak berwajib dapat mempertimbangkan usul ini.